



لمباك قروممن دان هرتانه شيراق
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK,
ARAS G, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

TEL : 05-209 5000 ✓
FAKS: 05-253 0001 ✓
Email: lphp@perak.gov.my ✓

Ruj. Kami : LPHP700-11/1/12 JLD 10 (6)
Tarikh : 2 September 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato/Tuan/Puan

PEKELILING BERKAITAN DASAR KAWALAN PINDAHMILIK PERUMAHAN KOS RENDAH DENGAN MENGENAKAN SYARAT KEBENARAN PINDAHMILIK UNTUK KATEGORI RUMAH KOS RENDAH BAGI NEGERI PERAK – PEKELILING LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2022.

PER: PEMBERIAN PELEPASAN ATAU PENGECUALIAN DASAR KAWALAN PINDAH MILIK PERUMAHAN KOS RENDAH YANG DILAKSANAKAN OLEH LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK (LPHP)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.2079 Kertas Bil.1386/10/08/2022 bertarikh 18 Ogos 2022 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bersetuju meluluskan perkara – perkara seperti berikut :-

- I. Proses Pindah Milik Rumah Kos Rendah yang melibatkan **Perjanjian Jual Beli** atau apa apa instrumen lain yang ditarikhkan sebelum atau pada **29 Mei 2022** dan telah dimatikan setem sebelum atau pada **29 Jun 2022** tidak perlu mendapatkan surat Kebenaran Pindah Milik Rumah Kos Rendah daripada LPHP dan boleh meneruskan proses pindah milik di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan Pejabat- Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Perak.
- II. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan Pejabat - Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Perak hendaklah memastikan agar pemohon mengemukakan salinan dokumen **Perjanjian Jual Beli dan Sijil Setem** sebagai dokumen tambahan bagi memastikan syarat pelepasan atau pengecualian dipenuhi sebelum proses pindah milik dilaksanakan.
- III. Pelepasan atau pengecualian dasar ini **disahkan dan berkuatkuasa secara serta merta**. Pendaftar dan semua Pentadbir Tanah Negeri Perak hendaklah memberikan pengecualian atau pelepasan dasar ini setelah semua syarat dipenuhi sebelum proses pindah milik dilaksanakan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak dan Pentadbir Tanah Negeri Perak dipohon untuk mengambil maklum dan melaksanakan keputusan ini. Segala kerjasama dan tindakan daripada pihak YBhg Dato/ Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMED AKMAL BIN DAHALAN P.M.P)
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak
FRZ/MNS/01092022

"PERAK MAJU RAKYAT SEJAHTERA"